

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Komunikasi Korporat Kumpulan
Tingkat 31, Menara Bank Islam
No. 22 Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Telefon 03 2088 8000
Faks 03 2781 2998
www.bankislam.com.my

BANK ISLAM PERKUKUH KERJASAMA DENGAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT

SELANGOR, Khamis, [14 November 2019]: Bank Islam Malaysia Berhad (“Bank Islam”) hari ini menandatangani nota kolaborasi dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (“JBPM”) untuk perkongsian ilmu terutamanya dalam bidang perbankan Islam dan keselamatan kebakaran melalui program-program anjuran bersama serta aktiviti bersepadu ke arah meningkatkan lagi kerjasama di antara kedua-dua pihak.

Menandatangani nota kolaborasi tersebut bagi pihak Bank Islam ialah Encik Zamree Mohamed, Ketua Perbankan Pengguna dan JBPM diwakili oleh Puan Siti Rohani Nadir, Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat, JBPM. Majlis turut disaksikan Encik Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam dan Dato’ Muhammad Hamdan Hj. Wahid, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Encik Mohd Muazzam berkata “Kerjasama ini merangkumi persetujuan perkara berhubung peranan dan aktiviti dua hala antara Bank Islam dan JBPM antaranya perkongsian ilmu mengenai bidang pengurusan kewangan dan latihan keselamatan kebakaran; menjayakan Sambutan Hari Anggota Bomba secara bersama; serta menganjurkan program-program ke arah memperkukuhkan kerjasama strategik demi manfaat bersama.”

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bankislam.com.my

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 1,000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com.my atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Wan Norkhairi Wan Samad

Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan
Bank Islam Malaysia Berhad
Aras 31, Menara Bank Islam
No. 22, Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Tel: 03-2782 1232
Tel. bimbit: 019-339 4491
Faks: 03-2781 2998
Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my
Web: www.bankislam.com.my

Omar Atin

Perhubungan Media & Editorial,
Komunikasi Korporat Kumpulan
BIMB Holdings Berhad
Aras 31, Menara Bank Islam
No. 22, Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Tel.: 03-2781 2943
Tel. bimbit: 019-391 9144
Faks: 03-2781 2998
Emel: omar@bimbholdings.com
Web: www.bimbholdings.com